

STATUS DAN HAK WANITA MENURUT ISLAM

Oleh:
Fatimah Binti Ali¹

Abstrak

Artikel ini menjelaskan mengenai status (taraf atau kedudukan) dan hak (kuasa berbuat sesuatu) wanita menurut Islam. Perbincangan meliputi pandangan Islam tentang status dan hak wanita berdasarkan ayat-ayat al-Quran al-Karim, hadis Rasulullah SAW dan pendapat para ulama Islam.

PENDAHULUAN

Orang-orang Barat dan kuncu-kuncunya menganggap seluruh undang-undang yang wujud di alam ini sebelum kurun kedua puluh menetapkan bahawa insan jenis lelaki lebih mulia daripada wanita. Wanita hanya dicipta untuk dinikmati oleh lelaki. Mereka juga beranggapan bahawa kedudukan wanita yang ditentukan oleh Islam juga memihak ke arah tersebut². Anggapan bahawa Islam memandang wanita tidak setaraf dengan lelaki adalah salah. Ini kerana terdapat ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang menjelaskan bahawa wanita setaraf dengan lelaki dari segi kemanusiaan. Allah s.w.t berfirman:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ... ﴿١٥٦﴾

Maksudnya: "Wahai manusia, bertakwalah kepada Allah, Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu daripada diri yang satu dan daripadanya Allah ciptakan isterinya. Daripada kedua-duanyalah Dia biakkan laki-laki dan perempuan yang ramai".

¹ Fatimah binti Ali (M.A), Pensyarah Jabatan al-Da'wah wa al-Qiyadah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

² Muqtada al-Muttahari (1985), *Nizam Huquq al-Mar'ah Fi al-Islam*, Tehran, Sabhar, h. 102.

al-Nisa' (4): 1

Ayat tersebut menjelaskan bahawa wanita dan lelaki sama dari segi kejadian. Mereka diciptakan daripada jiwa yang satu. Menurut Ibn Kathir³, jiwa yang satu bermaksud Adam a.s. dan pasangannya ialah Hawa yang diciptakan daripada tulang rusuk kiri Adam. Pengiktirafan dan pengakuan tersebut dibuat oleh Allah sendiri. Sebagai Pencipta wanita, Allah tentunya lebih mengetahui hakikat dan taraf wanita yang diciptanya.

Dari ayat di atas dapat difahami bahawa penerusan kehidupan keturunan manusia di dunia ini adalah hasil daripada kewujudan bersama lelaki dan wanita. Kedua-duanya adalah makhluk yang tidak ada perbezaan dari sudut kemanusiaan.

Rasulullah SAW juga ada bersabda:⁴

إِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ

Maksudnya: "Sesungguhnya wanita adalah saudara bagi lelaki".

Wanita adalah daripada bangsa manusia, bukan syaitan atau barang-barang seperti yang disangka oleh sesetengah masyarakat. Oleh itu Allah memerangi perbuatan menanam anak perempuan hidup-hidup. Allah berfirman:

وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ

Maksudnya: "Apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup ditanya: Dengan dosa apakah ia dibunuh?".

al-Takwir (81): 8-9

Menurut Ibn Kathir, soalan di atas akan diajukan pada hari kiamat kepada anak perempuan yang ditanam hidup-hidup itu. Ini

³ Ibn Kathir (t.t.), Abu al-Fida' Isma'il Ibn Kathir al-Quraisyi al-Dimishqi, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, j. 1, Qaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi, h. 448.

⁴ Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa ibn Surah (t.t.), *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidhi*, Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi, j. 2, h. 82.

adalah satu amaran kepada pembunuhnya, iaitu apabila orang yang dizalimi disoal, itu adalah tamparan kepada orang yang melakukan kezaliman tersebut⁵. Allah juga berfirman:

قَدْ خَيْرَ الَّذِينَ قَتَلُوا أَوْلَادَهُمْ سَفَهًا بِغَيْرِ عِلْمٍ ... ﴿١٤٠﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerana kebodohan lagi tidak mengetahui".

al-An'am (6): 140

Dalam ayat di atas Allah secara tidak langsung melarang pembunuhan anak-anak perempuan. Ini kerana perkataan *aulad* (أَوْلَادٌ) jamak kepada perkataan *walad* (وَلَدٌ) bermaksud anak termasuk lelaki dan perempuan⁶.

Di samping melarang pembunuhan anak-anak perempuan, agama Islam juga merahmati anak-anak perempuan dengan memberi berita gembira kepada orang yang melindungi anak-anak perempuan. Rasulullah SAW bersabda⁷:

مَنْ كَانَ لَهُ ثَلَاثُ بَنَاتٍ فَصَبَّرَ عَلَيْهِنَّ وَأَطْعَمَهُنَّ وَسَقَاهُنَّ وَكَسَاهُنَّ
مِنْ جَدَّتِهِ كُنَّ لَهُ حِجَابًا مِنَ النَّارِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: Sesiapa yang mempunyai tiga anak perempuan, dia bersabar dengan (karenah) mereka. Dia memberikan untuknya makanan, minuman dan pakaian dengan hasil usahanya sendiri. Maka anak-anaknya itu kelak akan menjadi tabir yang melindunginya daripada api neraka.

⁵ Ibn Kathir, (t.t.), *Op. Cit.*, j. 4, h. 447.

⁶ Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-'Arab*, Qahirah: Dar al-Ma'arif, j. 6, h. 4914.

⁷ Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi (1410H), *Shu'ab al-Iman*, tahqiq: Muhammad al-Sa'id Basyuniy Zaghlul, juz. 6, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 407.

PERSAMAAN WANITA DAN LELAKI DARI SEGI KEMANUSIAAN

Musuh-musuh Islam beranggapan Islam adalah agama untuk kaum lelaki (*din al-rijal*). Ini kerana dalam Islam wanita tidak dianggap sebagai insan yang sempurna. Wanita juga tidak diberikan hak-hak yang sewajarnya sebagai insan. Golongan ini membuktikan pandangan mereka dengan wujudnya ketentuan-ketentuan seperti keharusan poligami, talak adalah hak lelaki, penyaksian dua orang perempuan sama dengan seorang lelaki, kepimpinan keluarga berada di tangan lelaki, bahagian seorang wanita dalam harta pesaka sama banyak dengan separuh bahagian seorang lelaki dan lain-lain⁸.

Mereka faham jika Islam menyamakan antara wanita dengan lelaki dari segi kemuliaan kemanusiaan (*al-karamah al-insaniyyah*), bererti wanita perlu diberi hak-hak yang serupa. Pembahagian tugas - menurut mereka - tidak patut berlaku kerana ia bererti tiada penyerupaan dan persamaan hak. Tetapi persamaan (*al-musawah*) sebenarnya bukanlah bermaksud keserupaan (*al-tasyabuh*).

Muqtada al-Muttahari mengemukakan suatu senario untuk menggambarkan persamaan hak tersebut seperti berikut: Seorang bapa yang kaya raya dan mempunyai pelbagai jenis harta membahagi-bahagikan harta bendanya sama banyak (*بالتساوي*) di antara anak-anaknya. Tetapi bukan dalam bentuk yang serupa (*متشابه*). Ini kerana sama bukan bererti serupa. Dalam hal ini bapa mempunyai beberapa jenis harta. Antaranya ialah harta untuk diniagakan, tanah untuk bercucuk tanam, dan hak milik untuk disewakan.

Sebelum mengagihkan harta kepada putera puterinya dia telah mengenalpasti kemahiran atau kepakaran yang ada pada mereka. Anaknyanya yang pertama berbakat dalam perniagaan, yang kedua pula minat dalam pertanian dan yang ketiga pandai mengurus harta sewaan. Pengagihan harta kepada anak-anaknya dibuat dengan mengambil kira keperluan dan persediaan masing-masing agar mereka berjaya.

Jelas di sini 'kuantiti' tidak sama dengan 'kualiti', manakala 'sama' berbeza dengan 'serupa'. Oleh itu Islam tidak memberikan kepada wanita dan lelaki hak-hak dari jenis yang serupa. Tetapi Islam tidak melebihkan lelaki berbanding wanita dalam memberikan hak-

⁸ Muqtada al-Muttahari (1985), *Nizam Huquq al-Mar'ah Fi al-Islam*, Tehran: Sabhar, h. 102.

hak. Ia meraikan dasar persamaan dari segi kemanusiaan antara wanita dan lelaki. Islam mengakui persamaan hak antara wanita dan lelaki tetapi tidak mengiktiraf keserupaan antara hak-hak tersebut⁹.

Penulis bersetuju dengan pendapat di atas. Ini kerana lelaki dan wanita mempunyai persediaan yang berbeza. Tugas-tugas biologi antara kedua-dua jantina ini juga berbeza. Wanita sesuai memainkan peranan sebagai isteri dan ibu. Lelaki pula mempunyai persediaan untuk menjadi suami dan bapa. Bagaimana mungkin mereka boleh diberi semua peranan yang sama. Perbezaan hak akan dapat dilihat dalam perbincangan mengenai hak-hak wanita dalam helaian berikutnya.

HAK-HAK WANITA

Dalam perbincangan mengenai pandangan Islam ini, penulis akan membincangkan tentang hak-hak wanita. Hak-hak wanita boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hak-hak wanita yang sama dengan lelaki dan hak-hak yang tidak sama dengan lelaki.

(a) Hak-hak Wanita Yang Sama Dengan Lelaki

Antara hak-hak wanita yang sama dengan hak-hak lelaki ialah:

i. Dari Sudut Hak Beribadat

Wanita juga mempunyai kewajipan dan hak untuk beribadat sama seperti lelaki. Ini adalah kerana taklif atau tanggungjawab beribadat dan melakukan ketaatan kepada Allah SWT dan rasul-Nya adalah kewajipan semua manusia, tanpa mengira jantina. Allah berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ

لَهُمْ خِيَرَةٌ مِنْ أَمْرِهِمْ ۚ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا

مُبِينًا ﴿٦٥﴾

⁹ *Ibid*, h. 103.

Maksudnya: "Tidak harus bagi lelaki dan perempuan yang mukmin apabila Allah dan rasulNya menetapkan keputusan sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri, mengenai urusan mereka. Sesiapa yang tidak taat kepada Allah dan rasul-Nya, sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas".

al-Ahzab (33): 36

ii. Dari Sudut Kewajipan Menerima Risalah Rasulullah

Risalah Nabi Muhammad SAW ditujukan kepada semua insan tanpa mengira jantina (lelaki atau perempuan), bangsa atau warna kulit dan keturunan. Allah berfirman:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ
مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ
فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia sesungguhnya aku adalah pesuruh Allah kepada kamu semua iaitu Allah yang memiliki langit dan bumi, tiada Tuhan melainkan Dia yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya. Dan ikutilah dia supaya kamu beroleh hidayah petunjuk".

Al-A'raf (7): 158

Ayat di atas menunjukkan bahawa risalah Nabi Muhammad SAW itu adalah untuk semua manusia tanpa mengira jantina sama ada lelaki atau wanita. Sejarah Islam mengisahkan bahawa lelaki dan wanita telah sama-sama berkorban bagi menegakkan agama Islam di

Mekah dan Madinah. Bahkan orang pertama yang memeluk Islam adalah wanita iaitu Saidatina Khadijah, isteri Nabi Muhammad¹⁰.

iii. Dari Sudut Kewajipan Menerima *Taklif* Syarak

Taklif hukum syarak ditujukan kepada semua lelaki dan wanita tanpa berbezaan jantina. Kesemua hukum hakam yang terdiri daripada suruhan dan larangan ditujukan kepada lelaki dan wanita tanpa sebarang perbezaan jantina. Para ulama sependapat bahawa perkataan *jama'* (plural) seperti *al-nas* (manusia-manusia) dan kata gantian *jama'* seperti *waw al-jama'ah* (kamu) pada perkataan *'aminu* (berimanlah kamu) ditujukan kepada semua manusia, kecuali lafaz-lafaz yang dikhususkan kepada wanita (*al-nisa'*) atau lelaki (*al-rijal*). Malah kata gantian *mufrad* (singular) atau *jama'* untuk lelaki juga terpakai untuk lelaki dan wanita. Contohnya boleh dilihat dalam hadis berikut:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: "Tidak beriman seseorang kamu sehingga dia sayang kepada saudaranya sebagaimana dirinya sendiri".

Perkataan (*أحدهم*), (*أخيه*) dan (*نفسه*) dalam hadis di atas adalah dalam bentuk lafaz *mufrad* lelaki tetapi maksudnya terpakai juga kepada wanita¹¹. 'Abd Karim Zaidan menguatkan pendapatnya berkenaan risalah dan *taklif* yang sama antara wanita dan lelaki dengan memetik kata-kata Ibn Hazm dalam bukunya bertajuk *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam* dengan maksudnya:

"Kami meyakini bahawa Rasulullah s.a.w juga diutuskan kepada kaum wanita sebagaimana kepada kaum lelaki. Begitu juga bahawa syaria Islam adalah juga syaria yang terpakai kepada wanita sebagaimana kepada lelaki. Kami juga meyakini bahawa perintah mengenai ibadat dan hukum-hukumnya yang lain juga ditujukan kepada wanita sebagaimana ditujukan kepada lelaki melainkan hukum-hukum yang

¹⁰ Mohamed Marmaduke Pickthall (1930), *The Meaning Of The Glorious Quran*, London, Ta Ha Publishers, h. xii.

¹¹ 'Abd Karim Zaidan. *Op. Cit.*, j. 4, h. 178-182.

dikhususkan kepada wanita atau yang dikhususkan kepada lelaki. Namun pengkhususan itu mestilah melalui dalil. Kesemua hukum hakam di dalam Islam tidak boleh dibezakan di antara lelaki dan wanita kerana telah sah kedua-dua mereka bertanggungjawab ke atas hukum hakam tersebut melainkan terdapat nas atau ijma' yang menyatakan sebaliknya¹².

iv. Dari Sudut Kewajipan Menyampaikan Dakwah

Wanita juga sama dengan lelaki dari segi kewajipan menyampaikan dakwah kepada Allah SWT. Mereka dikehendaki bekerjasama di dalam mengajak anggota masyarakat melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran agar negara menjadi aman. Kewajipan tersebut dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ... ﴿٩٧﴾

Maksudnya: "Orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran".

al-Tawbah (9): 71

v. Dari Sudut Tanggungjawab Moral

Tanggungjawab moral adalah sama antara lelaki dan wanita. Dalam al-Quran ada ayat-ayat yang menjelaskan bahawa tanggungjawab tersebut dikenakan ke atas lelaki dan wanita. Antaranya firman Allah:

¹²Ibid, j. 4, h. 177-178.

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَرَبَّاهُمْ إِنَّ اللَّهَ حَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ ... ﴿٣١﴾

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram)".

Al-Nur (24): 30-31

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَىٰ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: "Tidaklah harus bagi orang yang beriman – lelaki dan perempuan – apabila Allah dan rasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesatan yang jelas nyata".

Al-Ahzab (33): 36

Persamaan di antara lelaki dan wanita jelas dari segi tugas dan tanggungjawab moral di mana Allah menyeru kedua-dua jantina tersebut dalam ayat-ayat di atas.

vi. Dari Segi Balasan dan Ganjaran

Di samping persamaan dari sudut kewajiban beribadat, Islam juga tidak membezakan antara wanita dan lelaki dari segi mendapat balasan dan ganjaran hasil dari apa yang dikerjakan di dunia ini sama ada dari segi dosa atau pahala.

Tentang persamaan dari segi balasan terhadap dosa yang dilakukan dapat difahami daripada firman Allah:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ
اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: "Orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri, maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang telah mereka usahakan (juga sebagai) satu hukuman pencegah daripada Allah".

Al-Ma'idah (5): 38

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم
بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ
عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari kedua-duanya 100 kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum agama Allah".

Al-Nur (24): 2

Ayat di atas menjelaskan tentang balasan yang dikenakan ke atas wanita atau lelaki yang melakukan perbuatan mencuri dan berzina. Walau bagaimanapun balasan ini tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Perlaksanaannya memerlukan syarat-syarat tertentu. Untuk memotong tangan orang yang mencuri umpamanya disyaratkan

perbuatan tersebut hendaklah disaksikan oleh 2 orang saksi lelaki yang adil dan kadar nisab barang yang dicuri pula ialah (sekurang-kurangnya) 10 dirham, lebih kurang jumlah yang cukup untuk perbelanjaan 2 hari bagi orang miskin¹³.

Manakala balasan (*had*) orang yang berzina pula boleh dibahagikan kepada 2 bahagian. Jika pelakunya masih gadis atau teruna (*bikr*) maka dia hendaklah disebat sebanyak 100 kali sebatan. Tetapi kalau pelakunya janda atau duda maka hendaklah dia direjam sampai mati¹⁴. Untuk melaksanakan *had* tersebut disyaratkan perbuatan zina itu disaksikan dengan mata kepala sendiri oleh empat orang saksi lelaki yang adil¹⁵.

Islam tidak merestui perbuatan membunuh isteri yang disyaki berzina tanpa persaksian empat orang saksi, seperti yang dilakukan oleh masyarakat Yunani dan Rumawi. Islam mempunyai peraturan tersendiri untuk menangani masalah tersebut. Ini dapat difahami dari firman Allah:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ
فَشَهَدَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ
وَالْخَامِسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾
وَيَذَرُونَهَا الْعَذَابَ إِنْ تَشْهَدُ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ
الْكَاذِبِينَ ﴿٨﴾ وَالْخَامِسَةَ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ
الصَّادِقِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya: "Orang-orang yang menuduh isterinya berzina sedangkan mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya) kecuali dirinya sendiri, maka hendaklah dia bersumpah dengan nama Allah empat kali bahawa sesungguhnya dia dari kalangan

¹³ Al-Jaza'iri, 'Abd al-Rahman (1990). *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 5, h. 163.

¹⁴ Ibn Kathir (t.t.), *op. cit.*, j. 3, h. 260-261.

¹⁵ Al-Jaza'iri, 'Abd al-Rahman (1990), *op. cit.*, j. 5, h. 70.

orang-orang yang benar. Dalam sumpah yang kelima hendaklah dia berkata: Bahawa laknat Allah menimpa dirinya jika dia dari orang dusta. Bagi menghindarkan hukuman seksa dari isteri (yang kena tuduh) itu, hendaklah dia bersumpah dengan nama Allah empat kali bahawa suaminya dari kalangan orang-orang yang dusta. Dalam sumpah kelima hendaklah dia berkata: Bahawa kemurkaan Allah akan menimpa dirinya, jika suaminya dari kalangan orang-orang yang benar”.

Al-Nur (24): 6-9

Selepas mereka berdua bersumpah maka mereka berdua hendaklah dipisahkan untuk selama-lamanya. Ini kerana mereka telah kehilangan kasih sayang dan ketenangan untuk hidup bersama yang menjadi asas dalam kehidupan berumahtangga¹⁶.

Di samping persamaan dalam pembalasan dan denda, Islam juga menyamakan antara wanita dan lelaki dari segi pemberian ganjaran dan pahala. Dalam Islam, kaum wanita tidak perlu menjadi korban Tuhan sebagaimana yang pernah diamalkan di dalam masyarakat Hindu. Untuk berkhidmat kepada agama, wanita tidak perlu menjadi orang suruhan di rumah-rumah ibadat kerana mereka juga boleh beribadat kepada Tuhan, sama dengan lelaki malah mereka juga diberi pahala seperti lelaki. Allah menjelaskan perkara tersebut dalam firman-Nya:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ
حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ



Maksudnya: "Sesiapa yang beramal salih daripada lelaki dan perempuan, sedang dia beriman, kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik. Sesungguhnya kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa yang telah mereka kerjakan”.

¹⁶ Al-Sayyid Sabiq (1365H.), *Fiqh al-Sunnah*, Qahirah: Maktabah al-Muslim, j. 2, h. 275.

Al-Nahl (16): 97

Nas di atas dapat difahami bahawa wanita pada pandangan Islam adalah "berdiri di atas kakinya sendiri". Amal baktinya dihitung mengikut usahanya. Mereka berhak memperoleh apa yang lelaki dapatkan, tanpa ada sebarang perbezaan, sesuai dengan amal bakti yang mereka lakukan. Perkara tersebut juga dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: "Bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang manusia melainkan (balasan) apa yang diusahakannya".

Al-Najm (53): 39

vii. Dari Segi Pengurusan Harta dan Perbelanjaan

Islam memberi hak yang penuh kepada seseorang wanita untuk mengurus harta mereka. Allah berfirman:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ ۚ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan oleh Allah kepada sebahagian kamu yang lebih banyak daripada sebahagian yang lain. Orang-orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan wanita juga ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan".

Al-Nisa'(4): 32

Hak-hak tersebut juga dapat difahami daripada sabda Rasulullah SAW sebagaimana berikut:¹⁷

¹⁷ Al-Qushairi, Muslim Ibn al-Hajjaj, al-Imam (1978), *op. cit.*, j. 2, h. 143.

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ تَصَدَّقُوا وَلَوْ مِنْ خُلْيُكُنَّ

Maksudnya: "Wahai kaum wanita, bersedekahlah walau daripada barang perhiasan kamu".

Dalam hadis tersebut, Rasulullah menyuruh wanita bersedekah. Ini bermakna wanita boleh memiliki serta menguruskan harta mereka sendiri kerana sedekah tidak boleh dilakukan kecuali oleh mereka yang mempunyai pemilikan penuh terhadap sesuatu barang atau harta.

Oleh itu, wanita yang cukup umur (*baligh*) boleh bertindak sendiri dalam urusan berjual beli, mengadakan sebarang kontrak, memiliki harta dan membelanjakannya, bertukar milik, memberi, menghadiah dan mendermakan harta mengikut kemahuan sendiri, asalkan tindakannya itu tidak berlawanan dengan hukum syarak¹⁸.

Dengan demikian wanita boleh membelanjakan harta mereka untuk keluarga atau sesiapa sahaja kerana mereka berhak terhadap harta tersebut. Mereka tidak boleh dipaksa untuk membelanjakan harta mereka walaupun untuk diri sendiri kerana sara hidup atau nafkah mereka wajib ditanggung oleh suami masing-masing berdasarkan firman Allah:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ...

Maksudnya: "Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu (isteri) menurut cara yang sepatutnya".

Al-Baqarah (2): 233

Wanita juga tidak boleh dipaksa untuk membelanjakan harta mereka kepada keluarga sendiri kerana nafkah keluarga bukannya terletak di atas bahu mereka, malah wanita sendiri adalah tanggungan suami mereka. Oleh itu, wanita yang membelanjakan harta mereka akan mendapat pahala atas perbelanjaan tersebut. Ini kerana ia merupakan suatu kebajikan dan setiap kebajikan yang dilakukan akan ada ganjarannya jika ia dilakukan dengan ikhlas kerana sesuatu amalan itu tidak sah kecuali dengan niat yang ikhlas. Allah berfirman:

¹⁸ Harun Din et. al., (1987), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Polis Di Raja Malaysia, h. 293.

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى

Maksudnya: "Dan sesungguhnya seseorang tidak akan memperoleh kecuali apa yang telah diusahakannya. Dan sesungguhnya apa yang diusahakannya akan diperlihatkan kepadanya".

Al-Najm (53): 39

Rasulullah bersabda:¹⁹

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Maksudnya: "Segala amal dinilai berdasarkan niat dan hanya bagi tiap-tiap seorang apa yang dia niatkan".

Dalam hubungan ini para ulama telah membahaskan perbezaan antara adat dan ibadat. Al-Jurjani²⁰ mendefinisikan "ibadat" sebagai: "Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang mukallaf yang bertentangan dengan kehendak sendiri kerana mengagungkan Tuhannya". Beliau mendefinisikan "adat" sebagai: "Sesuatu yang dilakukan oleh orang ramai kerana menghukumnya sebagai sesuatu yang diterima akal, kemudian akan diulangi perlakuannya secara berterusan".

Berdasarkan keterangan tersebut dapat difahami, jika wanita membelanjakan harta mereka dengan niat kerana Allah, amalan tersebut menjadi ibadat dan mereka mendapat pahala. Kalau tidak, ia akan menjadi adat sahaja dan mereka tidak mendapat pahala.

Dalam membelanjakan harta untuk kebajikan, sebagai seorang Islam, wanita juga dituntut memberi keutamaan mengikut susunan tertentu iaitu ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang fakir. Ini berpandukan firman Allah:

¹⁹ Al-Imam al-Nawawi, (t.t.), *Matn al-Arba'in*, Mustafa 'Abd Rahman (ed.), Pulau Pinang: Maktabah 'Abd Allah bin Muhammad. Nur Al-Din al-Rawi, h. 66.

²⁰ Al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad (1983), *al-Ta'rifat*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 149.

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ ۖ قُلْ مَا أُنْفِقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلَّوَالِدَيْنِ
وَالْأَقْرَبِينَ وَالتَّيْمَةِ وَالسَّيِّئَةِ وَاللِّسَانِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ... ﴿٢١٥﴾

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: Apa jua harta (yang halal) yang kamu belanjakan, maka berilah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan."

Al-Baqarah (2): 215

Dari keterangan-keterangan tersebut, jelas terdapat sedikit perbezaan antara lelaki dan wanita. Wanita sebagai isteri berhak mendapat habuan dari harta suaminya kerana perbelanjaan atau sara hidupnya wajib ditanggung oleh pihak suami. Isteri tidak diwajibkan menanggung perbelanjaan rumahtangga, cuma mereka boleh melakukannya secara sukarela. Isteri hanya diwajibkan menanggung nafkah anak-anak sekiranya suami hilang upaya atau telah meninggal dunia²¹.

Walau bagaimanapun, kewajipan suami menanggung nafkah isterinya mempunyai syarat-syarat tertentu yang antara lain ialah perkahwinan mereka adalah perkahwinan yang sah, isteri telah menyerahkan dirinya kepada suami yang membolehkan suami menikmatinya, tidak ada kecacatan pada dirinya yang menghalang suami menikmatinya dan isteri tidak mendurhakai suaminya²².

Oleh itu wanita diberi hak memiliki, mengurus dan membelanjakan harta sendiri. Mereka juga berhak mendapat perlindungan dan nafkah daripada suami atas khidmat yang mereka berikan. Hak-hak seperti itu tidak terdapat dalam masyarakat kuno dan masyarakat barat.

Wanita Islam juga diharuskan menjadi wakil bagi pihak orang lain dalam semua urusan yang melibatkan harta seperti jual beli, sewaan, gadaian dan lain-lain. Para ulama sependapat tentang perkara

²¹ Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Ahmad (t.t.), *al-Mughni*, Riyad: Maktabah al-Riyad, j. 7, h. 582.

²² Al-Sayyid Sabiq (1365 H.), *Op. Cit.*, h. 148.

tersebut. Selain itu, wanita juga dibolehkan menjadi penjaga harta wakaf. 'Umar bin al-Khattab r.a. sendiri pernah mengamanahkan harta wakaf kepada Hafsa r.a. sepanjang hayat beliau²³.

(b) Hak-hak Wanita Yang Tidak Sama Dengan Lelaki

Di samping hak-hak yang sama antara lelaki dan wanita yang telah ditentukan oleh Islam, ada juga hak-hak yang tidak sama antara mereka berdasarkan kelainan-kelainan dan perbezaan-perbezaan yang terdapat pada lelaki dan wanita. Hak-hak jenis kedua ini dijelaskan oleh nas-nas al-Quran atau hadis. Ada antaranya yang tidak ditentukan dengan jelas.

Dalam perkara yang tidak ditentukan dengan jelas oleh nas-nas tersebut, para ulama pada kebiasaannya berbeza pendapat. Mereka mengemukakan pendapat masing-masing berdasarkan bukti-bukti yang relevan dengan permasalahan yang dibincangkan. Di antara hak-hak jenis kedua ialah:

i. Dari Segi Politik

Untuk melihat hak wanita dalam bidang politik perlu dirujuk kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman awal Islam dan kepada pendapat-pendapat ulama tentang hukum penglibatan wanita berdasarkan hujah-hujah tertentu. Menurut Dr. Mustafa Siba'i tidak ada bukti yang menunjukkan wujudnya penglibatan wanita dalam pemilihan khalifah di balai Thaqifah Bani Sa'adah. Para Sahabah juga tidak pernah menjemput wanita untuk bermesyuarat dengan mereka bagi memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan pemerintahan dan polisi-polisi kerajaan. Wanita juga tidak pernah dilantik menjadi panglima perang. Penglibatan wanita dalam peperangan hanyalah sebagai jururawat yang merawat tentera-tentera yang luka dan menyediakan minuman untuk mereka²⁴.

Namun Mustafa Siba'i menyebut beberapa peristiwa yang dilakukan oleh beberapa orang wanita Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Antaranya ialah apa yang dilakukan Umm al-Mu'minin 'A'isyah r.a. yang pernah memimpin satu peperangan yang dikenali dalam sejarah dengan nama "Perang Jamal". Tetapi ahli

²³ Ahmad Khairat (t.t.), *Markaz al-Mar'ah fi al-Islam*, Qahirah: Dar al-Ma'arif, h. 61.

²⁴ Mustafa al-Siba'i, terj. Halimuddin (1986), *Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, h. 131-132.

sejarah ada mencatat bahawa beliau menyesal dan bertaubat kepada Allah atas perbuatannya itu kerana sebagai isteri Nabi, beliau tidak digalakkan keluar rumah²⁵.

Al-Hamid al-Husaini menyifatkan 'A'isyah ketika kembali dari perang Jamal, dengan katanya:

*"Ummul Mukminin Siti Aisyah r.a. kini telah kembali ke tempat kediaman semula dengan penuh kenangan pahit. Sejak itu sampai akhir hayatnya, ia tidak lagi melibatkan diri dalam kegiatan politik apapun. Seluruh sisa hidupnya yang masih panjang itu dipergunakan sebaik-baiknya untuk menekuni kehidupan taqwa kepada Allah SWT dan patuh kepada pesan-pesan suaminya Nabi Muhammad SAW"*²⁶

Oleh itu, menurut Mustafa al-Siba'iy lagi, perbuatan tersebut tidak seharusnya dijadikan alasan untuk wanita bergerak dalam bidang politik. Ia merupakan tindakan 'Aisyah secara peribadi dan beliau telah mengakui kesalahannya. Dalam perkembangan selanjutnya, pernah wujud wanita Islam yang menduduki takhta kerajaan dan memerintah seperti Shajarah al-Durr; juga pernah wujud permaisuri yang sangat besar pengaruhnya terhadap suaminya yang memerintah seperti Siti Zubaidah isteri Khalifah Harun al-Rashid²⁷.

Namun, menurut Mustafa Siba'i, peristiwa-peristiwa itu merupakan hal-hal peribadi. Mereka itu melanjutkan langkah yang telah diambil oleh suami-suami mereka masing-masing. Mereka bukanlah penyumbang tenaga aktif dalam bidang politik menurut pengertian masyarakat sekarang. Ada pendapat yang mengatakan bahawa belum pernah ada wanita Islam yang aktif bergerak dalam bidang politik, yang pernah dicatat oleh orang Islam sendiri dalam sejarah Islam²⁸.

Hal tersebut adalah kerana wanita Islam dalam sejarah lebih mementingkan perkara-perkara yang lebih utama dalam kehidupan

²⁵ *Ibid.*

²⁶ H.M.H al-Hamid al-Husaini (1981), *Sejarah Hidup Imam Ali bin Abi Talib r.a.*, Jakarta: Lembaga Penyelidik Islam, h.211.

²⁷ Mustafa Siba'iy, Dr., terj. Halimuddin (1986), *Op. Cit.*, H. 132.

²⁸ Dr. Mustafa Siba'i (1986), *op cit.*, h. 133.

iaitu pelaksanaan tugas sebagai ibu dalam usaha mendidik anak-anak di samping tugas-tugas yang bersangkutan paut dengan rumahtangga²⁹.

Persoalannya, adakah ketiadaan bukti yang menunjukkan penglibatan wanita awal Islam secara aktif menunjukkan wanita tidak boleh melibatkan diri dalam bidang politik atau mereka dibolehkan berbuat demikian, cuma keadaan dan suasana ketika itu tidak mengizinkan atau tidak memerlukan penglibatan wanita dalam bidang ini. Perbincangan ini akan memberi tumpuan kepada hak wanita untuk menjadi khalifah, wakil rakyat dan hakim.

Menurut Muhammad Faruq al-Nubhan, khalifah di dalam Islam bermaksud orang yang menggantikan Rasulullah SAW dalam memimpin negara dan menguruskan semua urusan yang berkaitan dengannya³⁰. Oleh itu khalifah sama dengan imam kerana imam mengikut al-Mawardi, berasal daripada perkataan *imamah* iaitu suatu kedudukan bagi menggantikan Rasulullah dalam memelihara agama dan memimpin dunia³¹.

Menurut para ulama, jawatan imam atau khalifah bukanlah suatu jawatan untuk bermegah-megah atau mendapat sanjungan. Tetapi ia lebih merupakan suatu tanggungjawab atau tugas yang berat. Khalifah bertanggungjawab untuk memastikan syariat Allah dipatuhi dan hak manusia sama ada Muslim atau bukan Muslim tidak dicerobohi.

Oleh kerana beban dan tanggungjawab khalifah begitu berat, para ulama sepakat memutuskan bahawa wanita tidak boleh menjadi khalifah³². Manakala hak wanita untuk menjadi wakil rakyat pula, para ulama tidak sependapat. Dalam konteks Malaysia hari ini, wakil rakyat ialah mereka yang dipilih oleh rakyat melalui pembuangan undi. Al-Mawardi³³ menjelaskan bahawa ulama tidak sependapat mengenai pencalonan dan pemilihan wanita sebagai wakil rakyat dalam keadaan-keadaan berikut:

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Muhammad Faruq al-Nubhan (1988), *Nizam al-Hukm fi al-Islam*, Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, h. 423.

³¹ Al-Mawardi Abu Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri (1973), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, al-Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 5.

³² Muhammad Faruq al-Nubhan (1988), *op. cit.*, h. 424.

³³ Al-Mawardi (1973), *op. cit.*, h. 5.

1. Wanita tidak boleh menjadi wakil rakyat kerana kuasa (wilayah) berada pada tangan lelaki. Wanita lebih sesuai berada di rumah berperanan sebagai perempuan yang soleh dan ibu *mithal* kerana tugas-tugas pemerintahan adalah di luar kemampuan wanita. Tugas-tugas tersebut juga akan menjejaskan tugas asasi mereka di samping menyebabkan berlakunya percampuran yang meluas dengan lelaki asing (bukan suami atau orang-orang yang haram nikah dengan mereka).

2. Wanita boleh menjadi wakil rakyat sekiranya mereka dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Ini adalah pendapat al-Tabari, Ibn Hazm, Dr. Muhammad Yusuf Musa dan lain-lain.

Al-Mawardi tidak menyebut syarat-syarat yang membolehkan wanita menjadi wakil rakyat. Namun penulis berpendapat syarat-syarat tersebut adalah syarat-syarat yang membolehkan wanita keluar bekerja iaitu menutup aurat, aman daripada fitnah³⁴, mendapat keizinan wali atau suami dan tidak menghabiskan semua masanya untuk jawatan tersebut.

Syarat-syarat tersebut adalah berdasarkan alasan-alasan yang diberikan kepada pendapat pertama iaitu "tugas sebagai wakil rakyat boleh menjejaskan tugas asasi wanita dan menyebabkan berlakunya percampuran yang meluas dengan lelaki asing."

Al-Syeikh Muhammad al-Ghazali memetik pendapat Prof. Zakariyya al-Barri, Ketua Jabatan Syariah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Qahirah yang telah membandingkan antara kedua-dua pendapat itu. Beliau membuat kesimpulan seperti berikut:

- a. Tidak ada bukti terakhir atau dalil *qat'i* yang menyokong mana-mana pendapat demikian. Bukti-bukti yang dikemukakan masih boleh dipertikai. Ada kemungkinan juga salah satu daripada pendapat tersebut salah.
- b. Hak wanita dalam kuasa umum atau *wilayah 'ammah* termasuk dalam perkara yang ditentukan melalui ijtihad³⁵.

³⁴Fitnah maksudnya ujian atau menarik perhatian lelaki – Ibn Manzur, (t.t.), *Op. Cit.*, h. 3344

³⁵ Ijtihad dalam Islam ialah berusaha atau mencurahkan tenaga untuk mendapatkan bukti hukum syarak mengenai sesuatu perkara – al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad (1983), *Op. Cit.*, h. 10.

- c. Hukum pendedahan wanita kepada masyarakat umum bergantung kepada suasana persekitaran dan keadaan pekerja wanita itu sendiri. Umpamanya, sama ada wujud atau tidak percampuran antara lelaki dan perempuan atau penonjolan perhiasan diri kepada lelaki asing (bukan suami atau mahram) yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak. Zakariyya al-Barri berpendapat demikian kerana hukum wanita menjadi wakil rakyat ini tidak dinyatakan dalam al-Quran atau hadis Nabi³⁶.

Terdapat beberapa perkara yang tidak dinyatakan dalam agama sama ada disuruh atau ditegah. Perkara ini termasuk dalam hal budi bicara yang tidak dinyatakan oleh syarak. Keadaan ini memberi peluang kepada umat Islam bertindak secara bebas sama ada positif atau negatif. Dalam perkara tersebut, tidak seorangpun boleh menganggap pendapatnya sebagai agama malah ia hanya pendapat semata-mata. Islam tidak melarang wanita menjawat sebarang jawatan kecuali jawatan khalifah yang agung. Oleh itu jawatan sebagai wakil rakyat untuk wanita dibolehkan kerana ia tidak dinyatakan dalam agama sama ada disuruh atau ditegah³⁷.

Pendapat tersebut juga tidak bertentangan dengan maksud al-Quran yang menyatakan "laki-laki adalah pemimpin bagi perempuan" (الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ) (surah al-Nisa', ayat 34) kerana maksud pemimpin dalam ayat tersebut ialah pemimpin dalam rumah dan keluarganya sahaja. Oleh itu apabila seorang isteri bagi seseorang laki-laki menjadi doktor dalam sebuah hospital, maka suami tidak boleh mencampuri urusan profesion isterinya. Dia juga tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap jawatan isterinya di hospital itu³⁸.

Pada zaman khalifah 'Umar bin al-Khattab r.a. ada perempuan yang dilantik sebagai hakim *hisbah* di pasar Madinah untuk mengawal urusan kesihatan. Tanggungjawabnya meliputi pengunjung pasar itu sama ada lelaki atau perempuan. Perlantikan itu bertujuan untuk menegakkan keadilan, menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang haram³⁹. Pendapat di atas juga tidak bercanggah dengan hadis di

³⁶ Ahmad Khairat (t.t.), Markaz al-Mar'ah Fi al-Islam, al-Qahirah: Dar al-Ma'arif, h. 53.

³⁷ Sheikh Muhammad Ghazali (1990), *Sunnah Nabi Antara Ahli Feqah dan Ahli Hadis*, Ismail Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 59-60

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

bawah ini⁴⁰, kerana hadis tersebut khusus untuk jawatan tertinggi sahaja:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَتَوْا أَمْرَهُمْ امْرَأَةً

Maksudnya: "Sesuatunya kaum tidak akan berjaya sekiranya pimpinan mereka diserahkan kepada wanita"

Dalam kes ini, Muhammad al-Ghazali berkata dengan maksudnya:

*"Ada kemungkinan bahawa tentera Parsi mengalami kekalahan kerana Roma yang mendapat kemenangan besar setelah mengalami kekalahan dan jajahan takluknya mulai berkurangan adalah disebabkan oleh kekalahan seorang ketua tentera yang berjaya menghalang kekalahan seterusnya. Tetapi dasar pemerintahan penyembah berhala yang menjadikan negara dan rakyat sebagai warisan kepada seorang wanita muda yang tidak mengerti apa-apa itulah yang melahirkan tanda-tanda bahawa negara itu akan hancur. Maka untuk mengemukakan alasan kepada peristiwa inilah Rasulullah mengeluarkan hadithnya ini. Dan perkataan Nabi itu merupakan gambaran yang sebenar bagi keadaan yang berlaku"*⁴¹.

Seorang lagi tokoh ulama fekah iaitu Mustafa al-Zuhaili⁴² sependapat dengan Muhammad al-Ghazali tentang hadis di atas. Mengenai hak wanita untuk menjadi kadi, beliau menjelaskan bahawa ada di kalangan ulama Islam berpendapat, hadis di atas disabdakan oleh Rasulullah setelah mendengar khabar orang-orang Parsi telah melantik Putri Kisra menjadi raja.

Hadis ini adalah jawapan kepada persoalan yang berkaitan dengan peristiwa yang khusus iaitu berkaitan dengan perlantikan raja. Oleh itu ia tidak sesuai dijadikan hujah dalam soal perlantikan kadi.

⁴⁰ Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah, Muhammad Ibn Isma'il Ibn Ibrahim Ibn al-Mughirah al-Ja'fi (t.t.), *Sahih al-Bukhari*, Qahirah: Dar Matabi' al-Sya'ab, j. 3, h. 134-135.

⁴¹ Sheikh Muhammad Ghazali (1990), *op. cit.*, h. 61-62.

⁴² Al-Zuhaili (t.t.), *al-Tanzim al-Qada'i fi al-Fiqh al-Islami wa Tatbiqaha fi al-Mamlakah al-Sa'udiyah*, Sa'udi 'Arabiyya: (t.p.), h. 57.

Mengenai perlantikan wanita sebagai hakim pula, al-Zuhaili membahagikan pendapat ulama kepada tiga bahagian:

- a. Pendapat jumhur ulama (Syafi'i, Maliki dan Hanbali): Wanita tidak boleh menjadi hakim berdasarkan beberapa alasan. Antaranya ialah:

Hadis Rasulullah yang bermaksud sesuatu kaum atau bangsa tidak akan berjaya, jika mereka melantik wanita sebagai pemimpin urusan pemerintahan mereka.

Hadis Rasulullah SAW ⁴³:

الْقَضَاءُ ثَلَاثَةٌ وَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ وَاثْنَانِ فِي النَّارِ فَأَمَّا الذَّيْ فِي الْجَنَّةِ
فَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَقَضَى بِهِ وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ وَجَارَ فِي الْحُكْمِ فَهُوَ
فِي النَّارِ وَرَجُلٌ قَضَى عَلَى جَاهِلٍ فَهُوَ فِي النَّارِ

Maksudnya: "Kadi ada tiga golongan, satu golongan masuk syurga dan dua golongan lagi masuk neraka. Golongan yang masuk syurga ialah lelaki yang mengetahui kebenaran dan dia menghukum dengannya. Manakala lelaki yang mengetahui kebenaran tetapi dia zalim dalam menjatuhkan hukuman; begitu juga lelaki yang memutuskan hukuman untuk orang ramai dalam keadaan jahil maka dia masuk neraka".

Penggunaan perkataan "lelaki" (رَجُلٌ) dalam nas ini menyebabkan golongan tersebut menjadikannya sebagai alasan untuk membuktikan bahawa kadi atau hakim terdiri dari kaum lelaki sahaja. Oleh itu wanita tidak dibolehkan menjadi hakim kerana tidak disebut dalam hadis. Namun demikian ada yang menolak hujah ini dan mengatakan bahawa kemungkinan Rasulullah menggunakan perkataan 'lelaki' kerana melihat kepada realiti iaitu semua penjawat jawatan hakim pada zaman baginda terdiri daripada lelaki.

Walau bagaimanapun al-Zuhaili⁴⁴ menyebut bahawa bukti akal mengenai wanita tidak boleh menjadi hakim ialah kehakiman adalah suatu tugas yang berat. Seseorang hakim ada kalanya terpaksa pergi ke

⁴³ Al-Qazuwaini (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 776.

⁴⁴ Al-Zuhaili (t.t.), *op. cit.*, h. 57.

tempat-tempat pergaduhan atau ke perhimpunan kaum lelaki untuk meleraikan pergaduhan atau bagi mendapatkan butir-butir lanjut mengenai sesuatu kes.

Tambahan pula tugas hakim memerlukan fikiran yang tajam, akal yang sempurna dan kematangan serta kebijaksanaan. Sifat-sifat ini jarang terdapat pada kebanyakan wanita.

Oleh itu, beliau berpendapat bahawa wanita tidak sesuai menghadirkan diri ke tempat perkelahian atau perhimpunan lelaki kerana suara dan dirinya mungkin menjadi fitnah kepada kaum lelaki. Beliau juga menguatkan hujahnya dengan menjelaskan, dalam perjalanan sejarah sama ada pada zaman Rasulullah SAW atau khalifah-khalifah selepasnya, tidak pernah tercatat tentang perlantikan wanita sebagai hakim⁴⁵.

- b. Pendapat Ibn Jarir al-Tabari dan al-Hasan: Wanita boleh menjadi hakim dalam semua bidang termasuk *hudud*⁴⁶ dan *qisas*⁴⁷.

Mereka berpendapat bahawa mufti bertugas mengeluarkan hukum berdasarkan ilmu, perbahasan, kajian dan rasa tanggungjawab. Ini memperlihatkan bahawa tiada perbezaan antara tugas hakim dan kadi iaitu menerangkan hukum melalui kuasa yang diberikan oleh pemerintah.

Tetapi pendapat golongan ini ditolak oleh para ahli feqah kerana ia bercanggah dengan dalil-dalil atau bukti-bukti syarak. Al-Zuhaili tidak menjelaskan secara terperinci bagaimana pendapat ini dikatakan bercanggah dengan bukti-bukti syarak. Mungkin bukti-bukti yang dimaksudkan oleh beliau ialah bukti-bukti yang disebut oleh kebanyakan ulama (jumhur) dalam pendapat yang pertama.

⁴⁵*Ibid.*

⁴⁶*Hudud* berasal daripada perkataan *had* bererti pencegahan. Para ahli feqah mendefinisikannya sebagai "keseksaan yang ditetapkan oleh syarak dan dilaksanakan bagi menjaga hak Allah" – Paizah Hj. Ismail (1991), *Undang-undang Jenayah Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam, h. 3

⁴⁷*Qisas* digunakan oleh para ahli feqah untuk mengertikan kesalahan dan keseksaan umpamanya kesalahan-kesalahan qisas. Apabila ia disebut secara tunggal, ia bererti kesalahan itu sendiri. Para ahli feqah mendefinisikan *qisas* sebagai kesalahan-kesalahan yang bentuknya telah ditentukan oleh syarak dan dilaksanakan untuk menjaga kepentingan individu – Paizah Ismail (1991), *op. cit.*, h. 4.

- c. Pendapat golongan ketiga: Wanita boleh menjadi kadi tetapi tidak boleh menjadi hakim.

Golongan ini membezakan antara hakim dan kadi. Menurut mereka, hakim bertugas menyelesaikan perbalahan atau perselisihan antara individu dan masyarakat sedangkan kadi hanya berperanan untuk menjelaskan hukum-hukum syarak, sama seperti mufti dan saksi. Walau bagaimanapun mereka berpendapat bahawa pengecualian boleh diberikan kepada wanita untuk menjawat jawatan hakim bagi kes-kes yang diterima kesaksian wanita iaitu selain daripada kes-kes *hudud*, *qisas* dan *diah*⁴⁸.

Ini membuktikan bahawa Islam memberi hak kepada wanita dalam politik. Wanita mempunyai hak untuk bersuara dan membuat keputusan, sekurang-kurangnya dalam kes-kes tertentu.

ii. Dari Segi Kesaksian

Kesaksian termasuk dalam kategori *wilayah 'ammah*⁴⁹. Ia adalah salah satu cara untuk mensabitkan sesuatu hak yang dituntut di mahkamah⁵⁰. Walaupun kesaksian adalah antara *wilayah 'ammah* namun dalam sesetengah bidang kesaksian wanita diterima. Antaranya ialah:

1. Kes-kes yang lazimnya diketahui oleh wanita sahaja, contohnya kes-kes sakit puan termasuk keaiban wanita dan lain-lain. Dalam kes-kes ini menurut al-Imam Abu Hanifah, kesaksian wanita diterima kerana kebiasaannya mereka lebih mengetahui berbanding dengan lelaki⁵¹.
2. Kes-kes yang berhubung dengan harta atau *mal* termasuk kes-kes yang berkaitan dengan kontrak jual beli, sewa-menyewa, gadaian, pinjaman, tempahan dan sebagainya. Kesaksian wanita hanya diterima apabila ada dua orang saksi perempuan bersama dengan seorang saksi lelaki. Kesaksian dua orang wanita dan kesaksian lebih daripada dua orang wanita tidak diterima dan tidak boleh menjadi hujah untuk mensabitkan sesuatu dakwaan⁵². Ini berdasarkan Allah berfirman:

⁴⁸ Al-Zuhaili (t.t.), *Op. Cit.*, h. 57.

⁴⁹ Ahmad Khairat (t.t.), *Op. Cit.*, h. 47.

⁵⁰ 'Abd Karim Zaidan, Dr. (1984), *Op. Cit.*, h. 163.

⁵¹ Ibn Qudamah (t.t.), *Op. Cit.*, j. 12, l. 9.

⁵² Sayyid Qutb (1985), *FiZilal al-Quran*, al-Qahirah: Dar al-Shuruq, h.336.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى
فَآكُتُبُوهُ^{٥٣} ... وَاسْتَشْهِدُوا شَهِدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ^{٥٤} فَإِنْ لَمْ
يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ
تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى^{٥٥} ...

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu ... Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi supaya jika yang seorang lupa (dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu) maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi".

Al-Baqarah (2): 282.

3. Dalam kes-kes selain daripada *hudud*, *qisas* dan mal (harta) seperti yang berkaitan dengan nikah, talak, rujuk dan sebagainya, mazhab Hanafi menerima kesaksian dua orang wanita bersama dengan seorang saksi lelaki. Manakala Hanbali pula menolak sama sekali kesaksian wanita dalam kes-kes ini.

Perkara yang menonjol dalam bidang kesaksian ini ialah saksi wanita adalah separuh kesaksian lelaki. Al-Quran telahpun memberi alasan tentang perkara tersebut iaitu wanita ada kalanya terlupa. Jadi kalau salah seorang daripadanya terlupa maka yang seorang lagi boleh mengingatkannya.

Syeikh Muhammad al-Ghazali pernah menjalankan kajian mengenai perkara tersebut. Menurut beliau, ketika wanita didatangi haid tiap-tiap bulan, keadaan mereka seperti orang separuh sakit⁵³.

⁵³ Al-Sheikh Muhammad Ghazali, (1990), *op. cit.*, h. 74.

Pertukaran rasa dan gangguan alat-alat biologi menyebabkan mereka tidak tenteram, sedangkan ketika menjadi saksi, seseorang itu hendaklah dalam keadaan stabil⁵⁴.

Penulis berpendapat pertukaran rasa dan gangguan yang dialami oleh wanita ketika haid tidak boleh dijadikan alasan untuk menyamakan kesaksian mereka dengan separuh kesaksian lelaki kerana biasanya wanita didatangi haid cuma beberapa hari sahaja dalam setiap bulan. Gangguan tersebut mungkin tidak ada ketika mereka bukan dalam haid. Jika gangguan emosi ketika haid menjadi halangan untuk mereka menjadi saksi perjanjian jualbeli dengan syarat mereka bukan dalam haid.

Penulis juga berpendapat gandaan saksi bagi pihak wanita (dua orang perempuan sama dengan seorang lelaki) disebabkan oleh tabiat semulajadi wanita yang biasanya kaya dengan sifat kasih sayang, kasihan belas dan sensitif sehingga menyebabkan mereka terlupa sesuatu yang sepatutnya mereka prihatin terhadapnya ketika mereka menjadi saksi. Sifat "lupa" tersebut dapat difahami daripada firman Allah yang berbunyi:

أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى

Maksudnya: "Jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua ini maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi".

Al-Baqarah (2): 282.

Allah melengkapkan wanita dengan sifat-sifat seperti tersebut kerana ia perlu dalam melaksanakan tugas sebagai isteri dan ibu. Walau bagaimanapun Muhammad al-Ghazali tidak bersetuju dengan pendapat yang menolak sama sekali saksi wanita dalam perkara *qisas* dan *hudud* iaitu dua perkara yang berhubung rapat dengan darah dan maruah orang ramai⁵⁵.

Ini kerana kemungkinan wanita turut menjadi saksi kepada pencuri-pencuri yang melakukan perbuatan pecah rumah serta pencerobohan terhadap jiwa dan harta seseorang itu atau menyaksikan

⁵⁴ 'Abd Karim Zaidan, Dr. (1984) *Nizam al-Qada' fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, Baghdad: Dar Ihya' al-Turath, h. 188.

⁵⁵ Al-Sheikh Muhammad al-Ghazali, (1990), *op. cit.*, h. 74.

pembunuhan anggota keluarga atau orang-orang yang rapat dengan mereka. Beliau juga ada menyebut pendapat Ibn Hazm yang menolak kesaksian wanita bagi kesalahan *qisas* dan *hudud* tidak ada sumbernya sama sekali dari sunah Nabi.

iii. Dari Segi Melindungi Diri

Dalam soal perkahwinan menurut kebanyakan ulama (jumhur), wanita tidak boleh dilantik menjadi wali nikah bagi pihak anaknya atau bagi dirinya sendiri. Tetapi AbuHanifah berpendapat bahawa wanita boleh menjadi wali bagi dirinya dan anak perempuannya⁵⁶ berdasarkan hadis Rasulullah SAW⁵⁷:

الْأَيُّمُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا

Maksudnya: "Seseorang janda lebih berhak ke atas dirinya".

Mengikut mazhab Hanafi, wanita yang telah sampai umur (baligh) dan berakal sama ada masih dara atau janda boleh mengahwinkan dirinya dengan sesiapa sahaja yang dia sukai. Walau bagaimanapun, sekiranya dia menikahkan dirinya dengan lelaki yang tidak setaraf, walinya boleh memprotes untuk tujuan membatalkan pernikahan⁵⁸.

Maksud setaraf mengikut mazhab Hanafi ialah lelaki dan perempuan tersebut mempunyai persamaan dalam enam perkara iaitu keturunan, Islam, pekerjaan, merdeka, agama dan harta. Selain itu, para ulama juga sepakat mengatakan perempuan yang telah janda berhak atas dirinya sendiri. Tiada sesiapa yang boleh memaksanya berkahwin berdasarkan hadis yang tersebut di atas⁵⁹.

iv. Dari Segi Pusaka

Islam memberi hak kepada wanita untuk mewarisi harta peninggalan ibu bapa mereka, suami-suami dan saudara mereka. Dalam surah al-

⁵⁶*Ibid*, h. 75.

⁵⁷ Al-Qusyairi, Muslim ibn al-Hajjaj, al-Imam (1978), *Sahih Muslim*, Dar al-Fikr, Bayrut, j. 2, h. 63-64.

⁵⁸ Al-Jaza'iri, 'Abd al-Rahman (1990). *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 4, h. 51

⁵⁹*Ibid*.

Nisa', ayat 11, ada dijelaskan kadar harta pusaka yang diperolehi oleh anak-anak dan ibu bapa. Allah menjelaskan:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ ۚ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۚ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۚ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ ۚ فَإِنْ لَّمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ ۚ ... ﴿١١﴾

Maksudnya: "Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada seorang, maka bahagian mereka ialah 2/3 daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah 1/2 (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa si mati, tiap-tiap seorang daripada keduanya (mendapat) 1/6 daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati tetapi jika si mati tidak mempunyai anak sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah 1/3. Kalau si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik beradik), maka bahagian ibunya ialah 1/6".

Al-Nisa' (4): 11

Daripada nas tersebut dapat diambil beberapa kesimpulan:

1. Bahagian yang diperolehi oleh anak perempuan dari harta pusaka adalah sama dengan separuh bahagian anak lelaki.
2. Bahagian yang diperolehi oleh ibu si mati juga sama dengan separuh bahagian bapa si mati jika si mati tidak mempunyai anak. Jika si mati mempunyai anak, ibu mendapat bahagian yang sama dengan bapa.
3. Anak-anak perempuan si mati cuma berhak mendapat dua pertiga sahaja daripada harta pusaka si mati untuk dibahagikan

sama rata antara mereka, walaupun si mati tidak meninggalkan anak lelaki.

4. Seorang anak perempuan tunggal si mati cuma berhak mendapat separuh sahaja daripada harta pusaka si mati. Dia tidak berhak untuk menghabisi harta pusaka ibu bapanya walaupun dia adalah anak tunggal.

Bahagian-bahagian anak perempuan dalam bilangan 4 dan 5 berbeza dengan bahagian anak lelaki jika si mati meninggalkan anak lelaki sahaja, sama ada seorang atau lebih di mana lelaki dapat menghabisi harta pusaka ibu bapanya setelah ditolak bahagian waris-waris yang menerima pusaka secara *fara'id* (mempunyai bahagian yang ditentukan)⁶⁰.

Ini kerana anak lelaki adalah penerima *'asabah*. Maksud penerima *'asabah* ialah mereka yang berhak mendapat semua harta pusaka jika tidak ada orang lain yang berhak mendapat bahagian atau *fara'id* dalam harta pusaka⁶¹.

Dalam surah al-Nisa' ayat 12 pula dijelaskan hak suami jika isterinya meninggal dunia dan hak saudara-saudara (adik beradik) seibu.

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ
كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ
يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِنْ لَمْ
يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمْنُ مِمَّا
تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ
رَجُلٌ يُوْرَثُ كَلَالَةً أَوْ امْرَأَةً وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ

⁶⁰ Al-Sayyid Sabiq (1365H), *Op. Cit.*, j. 3, h.473.

⁶¹ *Ibid*

مِنْهُمَا السُّدُسُ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي
الثُّلُثِ ... ﴿٤٠﴾

Maksudnya: "Dan bagi kamu 1/2 daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh 1/4 daripada harta yang mereka tinggalkan sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayar hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula 1/4 daripada harta pusaka yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bagi mereka (isteri-isteri kamu) ialah 1/8 daripada harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu lelaki atau perempuan yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ia ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang daripada keduanya ialah 1/6. Kalau mereka (saudara-saudara seibu) lebih dari seorang, maka mereka berkongsi pada 1/3 (dengan mendapat sama banyak lelaki dan perempuan). "

Al-Nisa' (4): 12

Daripada nas tersebut dapat disimpulkan:

1. Bahagian yang diperolehi isteri daripada harta pusaka si mati (suaminya) sama dengan separuh bahagian suami daripada harta peninggalan si mati (isterinya).
2. Bahagian yang diperolehi ibu si mati sama dengan separuh bahagian yang diperolehi bapa si mati jika si mati (anak mereka) tidak mempunyai anak.
3. Bahagian ibu si mati hanya 1/6 sahaja ketika bersama adik-beradik si mati dan ketiadaan bapa si mati⁶². Tetapi bapa si mati mendapat semua harta pusaka si mati ketika ketiadaan ibu si mati. Ini kerana bapa adalah penerima *asabah* dan boleh menghalang (*hajib*) adik-beradik si mati.

⁶² Abdul Kadir Haji Ismail, (1983), *Sistem Pusaka Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia, h. 216.

4. Bahagian yang diperolehi saudara perempuan seibu sama sahaja dengan bahagian saudara lelaki seibu sama ada ketika berseorangan atau ramai. Dalam hal ini, hak-hak perempuan sama dengan lelaki. Ini mungkin kerana si mati dan adik-beradiknya disatukan melalui ibu.

Bahagian-bahagian yang diperolehi adik-beradik si mati ketika si mati tidak meninggalkan anak adalah seperti yang disebut dalam firman Allah:

إِنْ أَمْرُهُمْ هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتُ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ وَهُوَ
يَرِثُهَا إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ فَإِنْ كَانَتَا أُتْنَتَيْنِ فَلَهُمَا الشُّلْثَانِ مِمَّا
تَرَكَ وَإِنْ كَانُوا إِخْوَةً رِجَالًا وَنِسَاءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَتَيْنِ



Maksudnya: ".... Jika si mati tidak mempunyai anak dan dia mempunyai saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu 1/2 daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, dan dia (saudara lelaki) itu pula mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuan itu tiada mempunyai anak. Kalau saudara perempuan itu dua orang, maka mereka mendapat 2/3 daripada harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati. Dan sekiranya mereka (saudara-saudara) itu ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan".

Al-Nisa' (4): 176.

Dari nas tersebut dapat diambil kesimpulan seperti berikut:

1. Bahagian saudara perempuan si mati jika dia berseorangan ialah 1/2 daripada harta pusaka sekiranya si mati tidak meninggalkan anak atau bapa. Berbeza pula dengan saudara lelaki, jika dia berseorangan dia berhak mendapat semua harta pusaka si mati setelah ditolak bahagian suami (jika si mati perempuan) atau bahagian isteri (jika si mati lelaki). Ini kerana

suami atau isteri si mati tidak terkena dindingan⁶³. Saudara lelaki mendapat baki semua harta pusaka. Ini disebabkan saudara lelaki adalah penerima 'asabah ketika ketiadaan anak lelaki si mati atau bapanya yang boleh mendindingnya dari menerima pesaka.

2. Bahagian dua orang adik beradik perempuan si mati ketika ketiadaan anak si mati atau bapanya (yang dapat mendindingi adik beradik perempuan) ialah $\frac{2}{3}$. Mereka tidak dapat menghabisi harta peninggalan si mati. Hal tersebut berbeza dengan adik beradik lelaki si mati yang berhak mendapat semua harta peninggalan si mati, ketika ketiadaan anak si mati, bapanya dan suaminya. Ini disebabkan adik beradik lelaki adalah antara penerima-penerima 'asabah.⁶⁴
3. Bahagian adik-beradik perempuan si mati sama dengan $\frac{1}{2}$ bahagian adik beradik lelaki si mati.
4. Bahagian seorang adik-beradik perempuan si mati ketika berseorangan ialah $\frac{1}{2}$ daripada harta pusaka si mati. Hal tersebut berbeza dengan bahagian adik beradik lelaki si mati ketika berseorangan di mana dia dapat menyapu bersih harta peninggalan tersebut.

Inilah contoh-contoh bahagian atau kadar harta pusaka yang diperolehi anggota keluarga si mati. Dalam bahagian-bahagian tersebut, didapati ada perbezaan antara bahagian yang diperolehi waris perempuan dan waris lelaki si mati. Bahagian yang diperolehi waris-waris perempuan si mati yang berada pada tingkat yang sama adalah separuh bahagian yang diperolehi waris-waris lelaki si mati, kecuali antara bahagian-bahagian ibu dan bapa si mati ketika si mati mempunyai anak dan bahagian-bahagian yang diperolehi adik beradik lelaki dan perempuan seibu si mati.

Dalam membuat perbandingan antara bahagian-bahagian tersebut, buku-buku tertentu juga dirujuk kerana al-Quran menjelaskan kadar-kadar tersebut secara ringkas sahaja.

Keterangan di atas menunjukkan jumlah yang didapati oleh waris-waris perempuan si mati ialah $\frac{1}{3}$ daripada jumlah keseluruhan harta pusaka. Manakala bakinya iaitu $\frac{2}{3}$ lagi diperolehi waris-waris lelaki si mati. Ketentuan ini mungkin disebabkan oleh tanggungan yang dipertanggungjawabkan ke atas lelaki. Sebagai suami

⁶³ Abdul Kadir Haji Ismail, (1983), *op. cit.*, h. 198-200.

⁶⁴ *Ibid*, h. 184.

umpamanya, mereka diwajibkan membayar mas kahwin dan menanggung nafkah hidup isterinya, sebagai bapa mereka diwajibkan menanggung nafkah anak-anak.

Ahmad Zaki Tuffahah⁶⁵ menyatakan pendapatnya tentang perbezaan kadar habuan tersebut. Beliau menjelaskan bahawa apabila hak perempuan kurang daripada hak lelaki maka perempuan mendapat habuan yang lain iaitu nafkah atau perbelanjaan hidup mereka dipertanggungjawabkan ke atas bahu lelaki.

Islam memperuntukkan kepada wanita separuh daripada bahagian lelaki kerana perempuan tidak diwajibkan menanggung sara hidup diri dan keluarganya. Mereka boleh menyimpan bahagian pusaka yang mereka dapat, sama ada mereka hidup di rumah bapa atau di rumah suami kerana wanita dibiayai oleh bapa atau suami mereka.

Kalau diperhatikan kepada harta kekayaan alam pada setiap masa, didapati ia adalah milik penghuni alam yang hidup pada masa-masa tersebut. Mereka dikehendaki melaburkannya selama mereka masih hidup. Selepas mereka meninggal dunia, harta kekayaan mereka diwarisi oleh anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan mereka, dibahagi-bahagi di antara anak-anak tersebut mengikut kaedah 2/3 untuk lelaki dan 1/3 untuk perempuan sebagaimana yang dijelaskan dalam nas *لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ* dalam surah al-Nisa' ayat 11 yang bcrerti, "bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan".

Oleh sebab lelaki menanggung nafkah perempuan, maka bahagian yang diperolehi perempuan boleh disimpan. Perempuan membelanjakan hak lelaki yang berjumlah dua pertiga itu bersama lelaki dengan pembahagian yang sama banyak dalam perbelanjaan hidup mereka. Oleh itu, jumlah dua pertiga yang diperolehi lelaki itu sebenarnya satu pertiga daripadanya adalah bahagian perempuan dan satu pertiga sahaja bahagian lelaki.

Jadi, perempuan sebenarnya membelanjakan dua pertiga daripada harta kekayaan alam. Manakala lelaki pula hanya menggunakan satu pertiga sahaja daripada kekayaan tersebut. Dengan demikian, lelaki cuma menjadi pentadbir dan pengurus kepada harta kekayaan alam. Perempuan lah yang memiliki sebahagian besar daripada harta kekayaan tersebut kerana Islam menentukan separuh

⁶⁵ Ahmad Zaki Tuffahah(1979), *al-Mar'ah wa al-Islam*, Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnani, h.39-51.

daripada bahagian lelaki adalah milik mereka. Bahagian tersebut bukan daripada harta pusaka. Perbelanjaan hidup mereka pula dipertanggungjawabkan ke atas lelaki.

Di samping itu, suami juga diwajibkan membayar mas kahwin isteri. Oleh kerana itu, keadilan Islam terserlah meskipun syarak memperuntukkan kepada lelaki harta pusaka dua kali ganda bahagian perempuan⁶⁶. Penulis berpendapat, keadilan Islam dalam pembahagian pusaka (sebagaimana yang digambarkan oleh Ahmad Zaki Tuffahah) hanya akan terserlah jika para suami menanggung nafkah isteri masing-masing. Itulah antara kewajipan suami terhadap isteri mereka sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah:

وَعَلَى الْوَلَدِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْعُرُوفِ ... ﴿٣٣﴾

Maksudnya: "...Dan kewajipan ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang ma'ruf.

Al-Baqarah (2): 233

Dalam keadaan sekarang di mana suami tidak menanggung sepenuhnya nafkah isteri, banyak atau sedikit bahagian yang diperoleh perempuan tidak penting kerana mereka menggunakannya untuk kepentingan bersama. Seorang anak perempuan, isteri atau ibu biasanya membelanjakan hartanya untuk keluarganya termasuk harta pusaka. Perempuan-perempuan yang tidak berharta juga bekerja untuk menampung pendapatan keluarga di samping melakukan tugas-tugas domestik yang menjadi kewajipan mereka. Walaupun mereka tidak wajib menanggung nafkah ahli keluarga tetapi sumbangan ikhlas mereka dalam membantu suami akan diberi ganjaran pahala oleh Allah.

Bagaimanapun yang penting dalam perbincangan mengenai hak wanita untuk menerima pusaka ialah keahlian dalam memiliki harta, menerima pusaka dan berbelanja yang dengannya mereka hidup mulia dan merdeka.

v. Dari Segi Perkahwinan

Ada orang menyangka bahawa orang yang hidup membujang di sisi Allah lebih mulia daripada orang yang berkahwin. Perkara tersebut

⁶⁶*Ibid.*

bertentangan dengan ajaran Islam yang melarang pengabdian diri kepada Allah tanpa berkahwin, malah perkahwinan adalah salah satu amalan (sunah) Nabi yang patut dicontohi.

Di dalam *Sahih al-Bukhari*, tercatat suatu peristiwa mengenai perkara tersebut⁶⁷:

جَاءَ ثَلَاثَةٌ رَهْطٍ إِلَى بُيُوتِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ (ص) يَسْأَلُونَ عَنْ عِبَادَةِ النَّبِيِّ. فَلَمَّا أَخْبَرُوهُمْ كَانَتْهُمْ تَقَالُوهَا. فَقَالُوا وَأَيْنَ نَحْنُ مِنَ النَّبِيِّ قَدْ غَفَرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ. قَالَ أَحَدُهُمْ فَإِنِّي أُصَلِّي اللَّيْلَ أَبَدًا وَقَالَ آخَرُ أَنَا أَصُومُ الدَّهْرَ وَقَالَ آخَرُ أَنَا أَعْتَزِلُ النِّسَاءَ فَلَا أَتَزَوَّجُ أَبَدًا. فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ فَقَالَ أَنْتُمْ الَّذِينَ قُلْتُمْ كَذَا وَكَذَا أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتَقَاكُمْ لَهُ لِكَيْتِي أَصُومُ وَأَقِطِرُ وَأُصَلِّي وَأَزْفُدُ وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي

Maksudnya: "Beberapa orang sahabat datang ke rumah isteri-isteri Rasulullah SAW Mereka bertanya tentang ibadat Nabi. Setelah mereka diberitahu tentang ibadat Rasulullah, maka mereka seolah-olah merasakan ibadat tersebut sedikit, lalu mereka berkata, kita bukannya sama dengan Rasulullah yang telah dijamin keampunan dosanya yang terdahulu dan yang terkemudian. Salah seorang daripada mereka berkata: Adapun saya, saya sembahyang malam selama-lamanya. Yang lain pula berkata: Saya berpuasa selama-lamanya dan tidak berbuka. Yang lain pula berkata: Saya mengasingkan diri daripada perempuan, maka saya tidak berkahwin selama-lamanya. Lalu Rasulullah datang kepada mereka dan bersabda: Kamu yang berkata, sekian-sekian. Adapun saya, sesungguhnya saya adalah orang yang paling takut dan bertakwa kepada Allah. Tetapi saya berpuasa dan berbuka. Saya sembahyang dan tidur dan saya juga mengahwini perempuan-perempuan. Maka sesiapa

⁶⁷ Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah, Muhammad Ibn Isma'il Ibn Ibrahim Ibn al-Mughirah al-Ja'fi (t.t.), *Sahih al-Bukhari*, Qahirah: Dar Matabi' al-Sha'b, j. 7., H. 2-3.

yang bencikan sunah saya, dia bukanlah dari golongan saya”.

Dalam hadis lain Rasulullah menggalakkan umat Islam berkahwin kerana perkahwinan boleh memelihara pandangan dan maruah mereka. Rasulullah bersabda⁶⁸:

مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغْضُ لِلْبَصَرِ وَأَوْحَشُ لِلْفَرْجِ

Maksudnya: “Sesiapa antara kamu yang mampu berkahwin, hendaklah dia berkahwin kerana dengan demikian dia dapat merendahkan pandangan dan memelihara maruah”.

DARI SEGI HAK DALAM RUMAHTANGGA

Hak-hak wanita yang akan dibincangkan di sini ialah hak wanita sebagai isteri dan ibu.

1. Hak Wanita Sebagai Isteri

Islam telah menggariskan hak-hak wanita sebagai isteri. Antaranya ialah:

1. Mas kahwin (*mahr*)

Seseorang isteri berhak mendapat mas kahwin daripada suami. Allah SWT berfirman:

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَتَيْنِ أَحَدُهُمَا نِكَاحُ فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا

فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “Dan berilah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin mereka, sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah)

⁶⁸ Ibid.

pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat lagi baik kesudahannya".

Al-Nisa' (4) ayat 4

2. Layanan yang baik daripada suaminya.

Islam menuntut semua suami melayan isteri-isteri mereka dengan baik. Allah SWT berfirman:

وَعَايِشُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ...

Maksudnya: "... Bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara baik".

Al-Nisa' (4): 19

Rasulullah juga ada bersabda⁶⁹:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِنِسَائِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِنِسَائِي

Maksudnya: "Sebaik-baik kamu ialah yang paling baik terhadap isteri-isteri kamu dan aku adalah sebaik-baik kamu terhadap isteri-isteriku".

3. Nafkah

Islam mewajibkan ke atas suami memberi nafkah kepada isterinya termasuk menyediakan makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya mengikut kemampuan suami.

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ...

Maksudnya: "... Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makanan dan pakaian kepada ibu itu mengikut cara yang patut".

Al-Baqarah (2): 233

⁶⁹ Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad Ibn 'Isa Ibn Surah, *op. cit.*, j. 5, h. 709.

Rasulullah SAW bersabda⁷⁰:

تُطْعِمُهَا إِذَا طَعِمْتَ وَتَكْسُوْهَا إِذَا اكْتَسَيْتَ وَلَا تَضْرِبُ الْوَجْهَ
وَلَا تُقَبِّحُ وَلَا تَهْجُرُ إِلَّا فِي الْبَيْتِ

Maksudnya: "Berilah makan kepada mereka (isteri-isteri) apabila kamu makan dan pakaian apabila kamu berpakaian. Janganlah kamu memukul muka mereka, janganlah mengeluarkan kata-kata yang keji dan jangan meninggalkan mereka seorang diri kecuali di rumah".

4. Pembatasan bilangan talak dan poligami

Perceraian atau talak amat dibenci oleh Allah SWT Tetapi untuk memberi jalan kepada pasangan-pasangan yang bermasalah atau sudah tidak boleh hidup bersama lagi maka Allah membenarkan berlakunya talak dengan membataskan talak yang boleh dirujuk kepada dua talak sahaja. Rasulullah bersabda⁷¹:

أَبْغَضُ الْحَالِ إِلَى اللَّهِ الطَّلَاقُ

Maksudnya: "Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah ialah talak".

Allah berfirman:

الطَّلَاقُ مَرَّتَانٍ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَنٍ ... ﴿٢٢٩﴾

Maksudnya: "Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isteri itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskannya (menceraikannya) dengan cara yang baik."

Al-Baqarah (2): 229

⁷⁰ Abu Dawud, al-Imam al-Hafiz, Sulaiman Ibn al-Asy'ath (t.t.), *Sunan Abi Dawud*, Bayrut: Dar al-Ihya', j. 2., 244.

⁷¹ Al-Syaukani, Muhammad Ibn 'Ali Ibn Muhammad (t.t.), *Nail al-Autar*, Qahirah: Maktabah Dar al-Turath, j. 5, h. 225.

Untuk menjamin keadilan dan keharmonian dalam rumah tangga, Islam juga telah membataskan poligami iaitu seseorang lelaki tidak dibenarkan beristeri lebih daripada empat orang dalam satu masa. Lelaki yang mahu berpoligami juga disyaratkan berlaku adil. Namun keadilan di antara isteri-isteri dalam semua bidang tidak mampu dilaksanakan oleh seorang insan.

Allah SWT berfirman:

وَأِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ
النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَّةً وَرَبْعًا ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً ۚ

Maksudnya: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan siapa yang kamu berkenan daripada perempuan-perempuan (lain), dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu), maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja".

Al-Nisa' (4): 3

Allah juga berfirman:

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۚ فَلَا تَمِيلُوا
كُلَّ الْمِيلِ فَيَهِنُوا كَالْمُعَلَّقَةِ ۚ

Maksudnya: Dan kamu tiada akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu, sekalipun kamu bersungguh-sungguh hendak (melakukannya). Oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri-isteri yang disayangi), sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awang)".

Al-Nisa' (4): 129

Inilah antara hak-hak isteri yang telah ditentukan oleh Islam. Hak-hak seperti ini tidak terdapat dalam masyarakat kuno. Islam menuntut para suami bergaul dengan isteri-isteri mereka dengan penuh mesra dan kasih sayang. Hal seperti ini juga tidak berlaku dalam masyarakat kuno kerana para isteri dalam masyarakat tersebut dianggap seperti hamba abdi.

Islam juga menentukan talak yang boleh dirujuk hanyalah dua kali sahaja, berbeza dengan talak yang berlaku dalam masyarakat Jahiliah yang tiada batas dan had. Manakala masyarakat Yunani pula tidak membenarkan berlakunya talak. Isteri yang dianiayai akan dihalang apabila mereka berusaha mencari keadilan.

Selain itu, terdapat juga perbezaan antara pendapat Islam dengan amalan masyarakat kuno tentang hak isteri yang kematian suami. Dalam Islam, isteri yang kematian suami tidak dianiayai malah kedudukannya sebagai seorang wanita juga tidak terjejas. Suami digalakkan berwasiat untuk memberi sagu hati kepada isterinya sebelum dia meninggal dunia. Bekas isterinya juga boleh berkahwin lain setelah selesai menjalani 'iddah selama empat bulan sepuluh hari.

Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً لِأَزْوَاجِهِمْ
مَّتَّعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرِ إِخْرَاجٍ ... ﴿٢٤٠﴾

Maksudnya: "Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah sagu hati (makan, pakai dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya".

Al-Baqarah (2): 240

Perkara tersebut jauh berbeza dengan amalan masyarakat kuno iaitu isteri-isteri diwarisi oleh anggota keluarga lelaki terdekat suaminya. Para pengkaji masyarakat kuno tidak menyebut apa-apa habuan yang diperolehi balu-balu daripada harta peninggalan suami mereka, walaupun sekadar sagu hati. Sebaliknya ada juga di kalangan mereka yang menerima nasib yang lebih malang. Mereka dibakar

hidup-hidup bersama mayat suami mereka seperti yang berlaku pada balu-balu masyarakat Hindu.

2. Hak Wanita Sebagai Ibu

Wanita sebagai ibu berhak untuk dikasihi, ditaati dan dilayani dengan baik. Islam meletakkan ibu di tempat yang tertinggi kerana telah bersusah payah mengandung anak-anak mereka, menyusu, membela serta mendidik dan membesarkan mereka. Oleh itu, ibu diberi keutamaan lebih daripada bapa.

... وَيَا لَوْلَدَيْنِ إِحْسَنَّا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ
كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفٍّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا
﴿١٧﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ
أَرْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: "Dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya atau kedua-duanya sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ah", dan janganlah engkau mengherdik mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun) dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya, kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan berdoaalah (untuk mereka), dengan kata-kata: Wahai Tuhanku cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya, memelihara dan mendidikkmu semasa kecil".

Al-Isra' (17): 23-24

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي
عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلَوْلَدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: "Dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun".

Luqman (31): 14

Al-Bukhari ada menyebut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.⁷²:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ أَحَقُّ بِحُسْنِ صَحَابَتِي قَالَ أُمُّكَ قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ ثُمَّ أَبُوكَ

Maksudnya: "Seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW lalu bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling berhak untuk saya bergaul dengannya dengan cara yang baik? Rasulullah menjawab: Ibumu. Lelaki tersebut bertanya lagi: Kemudian siapa? Rasulullah menjawab: Ibumu. Dia bertanya lagi: Kemudian siapa? Rasulullah menjawab: Ibumu. Kemudian dia bertanya lagi: Kemudian siapa? Rasulullah menjawab: Kemudian bapamu".

Inilah antara hak-hak wanita Islam. Hak-hak seperti ini tidak dinikmati oleh ibu-ibu yang hidup dalam masyarakat kuno kerana wanita dalam masyarakat tersebut tidak mendapat tempat yang sewajarnya. Sama sahaja sama ada mereka berperanan sebagai isteri atau ibu, mereka tidak mempunyai sebarang hak. Masyarakat kuno melayan mereka seperti hamba abdi. Begitu juga wanita dalam masyarakat Barat. Mereka boleh mengabdikan diri sepanjang hayat, namun mereka tidak mendapat apa-apa penghargaan atau ganjaran.

⁷² Al-Bukhari (t.t.), *op. cit.*, i. 8, h. 2.